

PERUNDANGAN

Cadangan hukum ibu bapa rotan anak tidak wajar



Keratan akhbar BH pada 25 Januari

Cadangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) meminda Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) untuk memberi hukuman kepada ibu bapa yang merotan anak perlu dikaji dan diteliti semula kerana rata-rata golongan ibu bapa berpendapat cadangan itu tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara ini. Jika ia diterima pakai dan dilaksanakan dikhuatiri akan memberi impak negatif terhadap proses pembentukan sahsiah kanak-kanak.

Seperti diketahui umum, ibu bapa pada zaman dahulu banyak menggunakan rotan sebagai kaedah mendisiplinkan anak. Terdapat juga segelintir ibu bapa hari ini kurang percaya kuasa rotan sebagai cara mendidik anak.

Cara henti perbuatan nakal anak

Memukul atau merotan adalah satu bentuk hukuman fizikal, ia bertujuan menghentikan perbuatan nakal si anak dan hukuman atas kesalahan dilakukan. Walau-

pun ramai yang kurang bersetuju dengan konsep merotan anak, hakikatnya masih ada situasi tertentu ibu bapa perlu merotan sebagai hukuman, terutama dalam perkara membabitkan hukum Islam.

Dalam solat misalnya, Rasulullah SAW pernah berpesan supaya mengajar anak bersolat ketika berusia tujuh tahun dan merotan (memukul) anak yang tidak bersolat ketika mereka berusia 10 tahun. Namun, perlu diketahui, kuasa merotan ini tidak boleh digunakan sewe-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my.

ng-wenangnya oleh ibu bapa kerana terdapat beberapa faktor dan langkah yang perlu diambil kira.

Misalnya, sebelum mengenakan hukuman terbabit, ibu bapa wajar memahami dan mengenali perwatakan dan sikap anak. Ibu bapa juga perlu mengambil kira tahap hubungan mereka dengan anak. Kita tidak perlu mengambil contoh yang diamalkan negara Barat yang menghukum ibu bapa yang merotan atau memukul anak mereka kerana apa yang diamalkan negara terbabit belum tentu sesuai untuk diamalkan dalam negara ini yang mempunyai budaya, tatacara hidup serta tuntutan agama yang berbeza.

Masyarakat Barat banyak runtuh akhlak

Malahan, jika diamati dengan teliti masalah keruntuhan akhlak, disiplin serta moral yang kini banyak dihadapi dalam kalangan masyarakat Barat menunjukkan bahawa segala langkah diambil dan diamalkan mereka selama ini adalah tidak betul.

Terdapat banyak lagi cara yang sesuai untuk membendung masalah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak

“*Kita tidak perlu mengambil contoh yang diamalkan negara Barat yang menghukum ibu bapa yang merotan atau memukul anak mereka kerana apa yang diamalkan negara terbabit belum tentu sesuai untuk diamalkan dalam negara ini yang mempunyai budaya, tatacara hidup serta tuntutan agama yang berbeza*”

seperti aspek penguatkuasaan yang berterusan serta berkesan terhadap undang-undang sedia ada bagi melindungi kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2011 (Akta 611).

Pihak berkaitan sama ada kerajaan ataupun pertubuhan bukan kerajaan juga boleh memberi didikan kesedaran secara berterusan terhadap ibu bapa mengenai kepentingan menjaga keselamatan anak dari sebarang penganiayaan atau pengabaian.

Cadangan ini juga adalah selaras dengan prinsip perjanjian yang ditandatangani Malaysia mengenai Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 (CRC) untuk menjamin aspek keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia